

STRATEGI PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT PEMBELAJARAN

NAMA PUSAT : **DRAMATIC PLAY**
FUNGSI : **MAIN PERANAN**
TAJUK : **SUT ANGKASAWAN**

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	STANDARD KANDUNGAN	KD 2.1	Membina konsep sendiri
2	STANDARD PEMBELAJARAN	KD 2.1.1	Menunjukkan sikap positif iaitu ; (iii) berkeyakinan
		KD 2.1.2	Menunjukkan sikap positif iaitu (ii) setia kawan
3	STREAM	S	Memerhati dan meneroka sut angkasawan.
		T	Sut angkasawan.
		R	Bekerjasama, sabar, mematuhi peraturan.
		E	Mengenalpasti reka bentuk sut angkasawan.
		A	Berimaginasi semasa melakonkan watak.
		M	Konsep matematik awal (ukuran, berat, saiz)
4	OBJEKTIF	Pada akhir pembelajaran, kanak-kanak dapat: <ul style="list-style-type: none"> ● Melakonkan watak dengan yakin. 	
5	BBM	Stesen simulator, sut angkasawan.	
6	NILAI MURNI	Memupuk nilai berkerjasama,yakin dan sabar semasa menjalankan aktiviti.	

STRATEGI PELAKSANAAN

1. Kanak-kanak berada di dalam pusat pembelajaran.
2. Guru menerangkan tentang aktiviti yang akan dijalankan.
3. Kanak-kanak dibahagikan kepada 3 kumpulan iaitu kumpulan A, B dan C.
4. Kanak-kanak diberikan watak :

Kumpulan A: **“Pengendali pusat kawalan”**

Kumpulan B: **“Crew”** yang memeriksa angkasawan sebelum berlepas

kumpulan C: **“Angkasawan”**.

5. Kanak-kanak mengambil pakaian yang bersesuaian mengikut watak masing-masing dan memakai pakaian tersebut.
6. Kanak-kanak diberi penerangan mengenai setiap bahagian-bahagian yang terdapat di baju angkasawan.
7. Kanak-kanak di bawa ke dalam stesen angkasa antarabangsa
8. Kanak-kanak melakonkan watak mengikut kumpulan yang telah diberikan tadi.

Contoh dialog:

Kapten Ali : Kenapa Baju ini berat sangat

Crew Abu : Mestilah,baju ini khas untuk angkasawan

Kapten Amir : Apa yang istimewa nya baju ini

Crew Ju : Baju ini ada oksigen untuk bernafas

: Ada tiub air untuk sejukkan badan dan baju ini untuk lindungi angkasawan daripada sebarang bahaya di angkasa.

Kapten Ina : Jadi kami tidak perlu risau keselamatan kami lagi

Crew Ana : Ye betul tu, baju ini memang berat.

9. Kanak-kanak berkongsi cerita bersama rakan-rakan tentang pengalaman memakai baju angkasawan semasa melakonkan watak tersebut.
10. Guru memberi penerangan tentang situasi sebenar berkaitan dengan sut angkasawan.

Nota:

* guru boleh menyediakan bbm berdasarkan pelbagai tema yang bersesuaian

* langkah-langkah keselamatan semasa kanak-kanak melakonkan watak di roket pelancaran dan stesen simulator